

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	:	U11, U14, U16
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred U11: RM836.00).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U14**

10. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U14 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U16**

11. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U16 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
JURURAWAT MASYARAKAT
GRED U19, PEMBANTU
KESIHATAN AWAM GRED U17
ATAU PEMBANTU
PEMBEDAHAN PERGIGIAN
GRED U17**

12. Pembantu Perawatan Kesihatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 atau Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan yang berkuat kuasa pada 1.1.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2012).